

17/12/1998

Rakyat digalak berbelanja

Wan Jailani Razak

LANGKAWI, Rabu - Rakyat sepatutnya menunjukkan keyakinan terhadap pemulihan ekonomi negara dengan tidak terlalu mengehendkan perbelanjaan untuk membantu usaha berterusan kerajaan memulihkan ekonomi domestik.

Menteri Tugas-Tugas Khas, Tun Daim Zainuddin, berkata ini berikutan pelbagai langkah yang diperkenalkan kerajaan bagi menggalakkan perbelanjaan domestik, antaranya penurunan had minimum bayaran kad kredit daripada 15 peratus kepada lima peratus dan cuti pada Sabtu sekali sebulan.

Menurutnya, walaupun rakyat digalakkan menabung, mereka juga perlu berbelanja memandangkan kadar simpanan dalam negara adalah sebanyak 40 peratus.

"Mereka kenalah belanja sedikit kerana kalau tidak belanja, orang berniaga teruk juga.

"Usaha kerajaan memberikan cuti pada Sabtu sebulan sekali juga perlu dimanfaatkan dengan melancong dalam negara untuk menggerakkan kegiatan ekonomi," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Lembaga Pengarah Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) di sini, hari ini.

Daim yang juga Pengerusi Bersama Lada, berkata usaha pemulihan yang dilakukan kerajaan adalah di landasan yang betul walaupun ia menerima pelbagai kritikan sebelum ini.

Semalam, Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed, berkata kritikan terhadap usaha kerajaan memulihkan ekonomi terutama selepas langkah kawalan mata wang dan modal diperkenalkan sejak tiga bulan setengah lalu, mulai berkurangan.

Mengulas perkara itu, Daim berkata, kerajaan melakukan apa saja yang dikata dan dalam konteks Malaysia, langkah kerajaan terbukti betul kerana bank sudah mula mengeluarkan pinjaman.

"Jadi, kita boleh menurunkan kadar faedah supaya orang ramai boleh meminjam dan sekali gus orang berniaga boleh bernafas balik," katanya.

Daim berkata, ekonomi negara mula menunjukkan tanda pemulihan kerana pada suku ketiga tahun ini Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menguncup kepada 8.6 peratus dan pada suku keempat pula dijangka lebih baik daripada itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika menghadiri Sidang Kemuncak Asean ke-16 di Hanoi, berkata ekonomi negara bagi keseluruhan 1998 akan menguncup sebanyak enam peratus.

Berhubung perkembangan itu, Daim berkata, tanda kepercayaan sudah mula pulih dan kerajaan berharap sekarang rakyat sendiri menunjukkan kepercayaan.

"Kita telah turunkan kadar faedah termasuk menurunkan faedah kad kredit di samping menggalakkan rakyat menyimpan wang," katanya.

(END)